



**IMPROVISASI JAZZ TROMBON MENGGUNAKAN  
PENDEKATAN BEBOP PADA LAGU NYANYIAN  
ZAIN AZMAN MELALUI LATIHAN  
TERANCANG**



**MOHAMAD KHAIRUL ANUAR BIN MOHAMAD  
SHAPIE**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2025**



**IMPROVISASI JAZZ TROMBON MENGGUNAKAN PENDEKATAN BEBOP  
PADA LAGU NYANYIAN ZAIN AZMAN MELALUI  
LATIHAN TERANCANG**

**MOHAMAD KHAIRUL ANUAR BIN MOHAMAD SHAPIE**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUZIK  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



Sila tanda (✓)  
Kertas Projek  
Sarjana Penyelidikan  
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah

✓


## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

### PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 9/9/2025

#### i. Perakuan Pelajar

Saya, **MOHAMAD KHAIRUL ANUAR BIN MOHAMAD SHAPIE (M20201000902) FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN** Dengan Ini Mengaku Bahawa Disertasi/Tesis Yang Bertajuk **IMPROVISASI JAZZ TROMBON MENGGUNAKAN PENDEKATAN BEBOP PADA LAGU NYANYIAN ZAIN AZMAN MELALUI LATIHAN TERANCANG** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau ke mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.


  
Tandatangan Pelajar

#### ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. THAM HORNG KENT** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **IMPROVISASI JAZZ TROMBON MENGGUNAKAN PENDEKATAN BEBOP PADA LAGU NYANYIAN ZAIN AZMAN MELALUI LATIHAN TERANCANG** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA MUZIK**.

9/9/2025

Tarikh

  
DR. THAM HORNG KENT  
Senior Lecturer  
Faculty of Music & Performing Arts  
Sultan Idris Education University  
35900 Tanjung Malim, Perak  
Malaysia  
E.kent@insp.upsi.edu.my

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **IMPROVISASI JAZZ TROMBON MENGGUNAKAN  
PENDEKATAN BEBOP PADA LAGU NYANYIAN ZAIN  
AZMAN MELALUI LATIHAN TERANCANG**

No. Matrik /Matric's No.: **M20201000902**  
Saya / I : **MOHAMAD KHAIRUL ANUAR BIN MOHAMAD  
SHAPIE**

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-  
*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick ( ✓ ) for category below:-*

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done*

**TIDAK TERHAD/OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/  
Signature)

DR THAM HORNG KENT  
Senior Lecturer  
Faculty of Music & Performing Arts  
Sultan Idris Education University  
35900 Tanjung Malim, Perak  
Malaysia

(Tandatangan Penyelia / Signature of  
Supervisor)

& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official  
Stamp)

Tarikh: 9/9/2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



## ABSTRAK

Bebop lines merupakan salah satu elemen muzik yang boleh diguna pakai ketika mengimprovisasi lagu Jazz. Idea ini tercetus dari legenda jazz seawal tahun 1940-an iaitu Charlie Parker (1920-1955) dan Dizzy Gillespie (1917-1993). Muzik bebop terkenal dengan tempo yang laju dan sukar untuk dimainkan, lebih-lebih lagi dengan menggunakan alat muzik trombon. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti elemen-elemen muzik yang terdapat di dalam bebop *lines* seperti rentak, simbol dan corak dan seterusnya diimplementasikan pada bahagian melodi lagu dan improvisasi dengan menggunakan lagu-lagu nyanyian Zain Azman, yang merupakan penyanyi jazz terulung di Malaysia sekitar tahun 1950-an. Walaupun lagu-lagu nyanyian beliau sering dipersembahkan di dalam pelbagai bentuk ensemble, namun demikian penampilan alat muzik trombon sebagai pemain solo utama masih kurang diketengahkan. Dengan merujuk kepada beberapa pemain trombon jazz bebop terdahulu, ianya memberi inspirasi dan gambaran untuk mengembangkan lagi idea bebop lines pada karya tempatan. Hal ini sekali gus memberi cabaran untuk memainkan improvisasi bebop lines dengan gaya tersendiri. Sudah pastinya hal tersebut memerlukan kemahiran yang sangat tinggi dari aspek teknikal dalam permainan alat muzik trombon. Konsep utama yang akan digunakan di dalam persediaan persembahan adalah berpandukan *Latihan Terancang (Deliberate Practice)*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa proses kreatif untuk mengimplementasikan pola improvisasi bebop berlaku melalui dua fasa iaitu fasa transformasi melodi vokal ke dalam bentuk instrumental dan implementasikan pola improvisasi Bebop Lines pada lagu-lagu nyanyian Zain Azman.





## **IMPROVISING JAZZ TROMBONE IN THE BEBOP STYLE ON SONGS PERFORMED BY ZAIN AZMAN THROUGH DELIBERATE PRACTICE**

### **ABSTRACT**

Bebop lines are one of the usable elements in Jazz music improvisation. This idea originated from jazz legends as early as the 1940s, such as Charlie Parker (1920-1955) and Dizzy Gillespie (1917-1993). Bebop music is known for its fast tempo and technical difficulty, especially when played on instruments like the trombone. This study aims to identify the musical elements found in bebop lines, such as rhythm, symbols, and patterns, and apply them in the melody and improvisation sections using songs sung by Zain Azman, a renowned jazz singer in Malaysia around the 1950s. Despite his songs often being performed in various ensemble forms, the trombone as a primary solo instrument is not prominently featured. Drawing inspiration from past bebop jazz trombonists for insight and inspiration to further develop bebop lines in local compositions. This in turn presents a challenge to perform bebop improvisations with a unique style, requiring highly technical skill in trombone playing. The main concept utilized in preparation for performances is based on Deliberate Practice. The research findings shows that the creative process for implementing the bebop improvisation patterns could be achieve through two phases. One is the phase of transforming the vocal melody into an instrumental form, and the other is implementing the Bebop Lines improvisation pattern in songs performed by Zain Azman.



## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv
<b>BAB 1 PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG</b>	
1.1 Inspirasi / Motivasi	1
1.2 Tujuan Persembahan	4
1.3 Objektif Persembahan	4
1.4 Persoalan Persembahan	5
1.5 Permasalahan Persembahan	5
1.6 Batasan Persembahan	7
1.7 Program Resital I	8
1.7.1 Pilihan Lagu	8
1.7.2 Format Persembahan Resital I	9
1.8 Cadangan Program Resital II	10
1.8.1 Senarai Keseluruhan Lagu	11

1.8.2	Format Persembahan Resital II	11
1.9	Definisi Operasional	13
1.9.1	Teknik	13
1.9.2	Improvisasi	13
1.9.3	Bebop Lines	14
1.9.4	Instrumental	14
1.9.5	Jazz Trombon	15
1.9.6	Latihan Terancang	15

## **BAB 2 TINJAUAN LITERATUR & KARYA**

2.1	Pengenalan	16
2.2	Improvisasi Jazz	17
2.3	Sejarah Bebop	19
2.4	Bebop Lines	22
2.5	Jazz Trombon	24
2.6	Zain Azman	26
2.7	Instrumental	28
2.8	Sorotan Persembahan	29
2.8.1	'Air Mata Berderai'	29
2.8.2	'Gadis Idaman Ku'	30

## **BAB 3 KONSEP PERSEMBAHAN**

3.1	Pengenalan	32
3.2	Konsep Persembahan Karya Kreatif	32
3.2.1	Latihan Terancang Secara Umum	33
3.2.2	Latihan Terancang Dalam Aspek Muzikal	34
3.3	Metodologi Kajian	36
3.3.1	Pendekatan Kajian	36

3.3.2	Instrumen Kajian	37
3.3.3	Kaedah Pengumpulan Data	38
3.3.4	Kaedah Analisis Data	38
3.3.5	Kaedah Latihan Terancang Bagi Improvisasi Jazz Trombon Menggunakan Pendekatan Bebop Pada Lagu Nyanyian Zain Azman	38

## **BAB 4 PROSES KREATIF ARTISTIK**

4.1	Pengenalan	41
4.2	Proses Persembahan Improvisasi	42
4.2.1	Analisa Muzikal	42
4.2.1.1	Melodi (Bebop Line)	42
4.2.1.2	Ritma	45
4.2.1.3	Harmoni	48
4.2.2	Teknikal	49
4.2.2.1	Tonguing	50
4.2.2.2	Penafasan (Breathing)	52
4.2.2.3	Penjarian	53
4.3	Landasan Proses Kreatif Artistik Dalam Persembahan	54
4.4	Proses Kreatif Kritis	56
4.4.1	Pendekatan 1: Perancangan Repertoar Zain Azman	56
4.4.2	Pendekatan 2: Kajian Repertoar Zain Azman	56
4.4.3	Pendekatan 3: Aplikasi Latihan Terancang (Deliberate Practice) Untuk Repertoire Zain Azman	57
4.5	Proses Kreatif Intuitif	60
4.5.1	Pendekatan 1: Transformasi Melodi Vokal Ke Dalam Bentuk Instrumental	61

4.5.2 Pendekatan 2: Implementsikan Pola Improvisasi Bebop Lines Pada Lagu-lagu nyanyian Zain Azman	62
--	----

**BAB 5 KESIMPULAN**

5.1 Pendahuluan	64
5.2 Ringkasan Dapatan Kajian	64
5.3 Perbincangan Berdasarkan Persoalan Persembahan	65
5.3.1 Perbincangan Mengenai Bagaimana menginstrumentalkan melodi lagu karya Zain Azman pada alat muzik trombon?	65
5.3.2 Perbincangan Mengenai Bagaimana mengimplementasikan pola improvisasi Bebop Lines pada alat muzik trombon pada lagu nyanyian Zain Azman?	66
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	68
5.5 Kesimpulan	69

<b>RUJUKAN</b>	71
<b>LAMPIRAN</b>	74



## SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Judul Lagu & Durasi Persembahan	8
1.2	Senarai Alat Muzik & Pemuzik	10
1.3	Judul Lagu & Durasi Persembahan Resital 2	11
1.4	Senarai Alat Muzik & Pemuzik Resital 2	12
3.1	Borang Pemerhatian Berstruktur Latihan Terancang	37



## SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Tangga Nada G Dominan Bebop. (Terefenko, 2017)	22
2.2	Nada F# Pada Weak Beat	23
2.3	Pengembangan Tangga Nada G Dominan Bebop	23
2.4	Penggunaan Approach Tones Ke Target Tone	24
3.1	Konseptualisasi Persembahan	31
3.2	Peringkat Dan Aliran Aktiviti Dalam Latihan Terancang	39
4.1	Arpeggio Dasar Bebop Line	43
4.2	Arpeggio Bebop Line	44
4.3	Bentuk Bebop Line	45
4.4	F Major Bebop	46
4.5	C Dominant Bebop	46
4.6	G Dorian Bebop	46
4.7	Triplet Neighbouring Tone	47
4.8	Aplikasi Bebop Line Pada Melodi Lagu	48
4.9	Posisi Lidah (Diambil daripada Wiktone (2010)	50
4.10	Tonguing Pronounsation	51
4.11	Gambaran Angin Pada Muzik Klasikal	52
4.12	Gambaran Angin Pada Muzik Swing	52
4.13	Melodi Asal Lagu 'Gadis Idaman Ku'	57
4.14	Aplikasi Latihan Terancang (Deliberate Practice)	60

4.15	Transformasi Melodi Asal Ke Dalam Bentuk Instrumental Dan Implementasi Bebop Lines	62
4.16	Pola Improvisasi Bebop Lines Pada Lagu ‘Gadis Idaman Ku’	63



## SENARAI LAMPIRAN

- A Buku Program Resital 1
- B Skor ‘Kasih Sayang’
- C Skor ‘Rayuan Hasrat Ku’
- D Skor ‘Gadis Idaman Ki’
- E Skor ‘Hello Sayang’
- F Skor ‘Berdendang Sayang’
- G Skor ‘Air Mata Berderai’



## BAB 1

### Pengenalan dan Latar Belakang

Seawal tahun 40-an, muzik jazz telah berkembang di tanah air sebelum Malaya dijajah oleh kuasa Jepun. Jimmy Boyle merupakan anak kelahiran Pulau Pinang dan antara pelopor terawal di dalam muzik jazz di Malaysia (Jan, C. C.; May, L. S.; & Boyle, J. P. S; 2015). Beliau berasal dari keturunan orang Eurasia, iaitu hasil perkahwinan campur dari orang Eropah dan Asia, dan membentuk satu peratus penduduk di Pulau Pinang pada ketika itu, tetapi memainkan peranan penting di dalam perkembangan muzik di Pulau Pinang (ibid, 42). Pada ketika itu, orang Eurasia lebih mendalami muzik barat berbanding dengan orang tempatan yang lebih kepada muzik tradisional Melayu. Orang Eurasia aktif dengan muzik jazz dan sering membuat persembahan di kelab pada ketika itu. Justeru, hal tersebut merupakan antara faktor perkembangan muzik di Malaysia.



Setelah satu dekad berlalu, perkembangan muzik jazz disemarakkan lagi dengan kemunculan album jazz dengan nyanyian di dalam bahasa Melayu. Menurut Mokhzani (wawancara peribadi, 16 November, 2021) penyanyi jazz terulung pada ketika itu adalah saudara Zain Azman, Julie Sudiro dan Zainal Abu. Kemunculan nama-nama tersebut seiring penubuhan *Big Band* Radio Malaya yang diasaskan oleh pemimpin Orkestra Radio Malaya yang pertama iaitu Alfonso Soliano (1925-1990). Di antara ketiga nama tersebut, saudara Zain Azman di antara yang paling menyerlah dan muncul dengan album nyanyian lagu jazz hasil ciptaan Alfonso Soliano. Menurut Fauzee dan Juariah, Zain Azman mula aktif dalam nyanyian lagu-lagu jazz pada tahun 1955 (wawancara peribadi, 3 Oktober 2021). Selain itu, beliau juga mempunyai program hiburan sendiri yang disiarkan di kaca televisyen di bawah penerbit Radio Televisyen Malaya iaitu Tan Sri Ahmad Merican pada sekitar awal tahun 60-an.



Sehingga kini lagu-lagu nyanyian Zain Azman masih diguna pakai oleh seniman tanah air untuk membuat persembahan di pentas jazz di dalam Negara. Seiring waktu berjalan, lagu-lagu tersebut telah banyak digubah semula berdasarkan kreativiti dan format persembahan yang hendak ditampilkan. Namun demikian, persembahan terhadap lagu beliau banyak ditampilkan di dalam bentuk nyanyian oleh artis tempatan, salah satunya pernah dinyanyikan semula oleh saudari Dia Fadila bersama RTM Big Band pada tahun 2009. Hal tersebut telah menarik minat saya untuk mengembangkan lagi lagu-lagu nyanyian Zain Azman ke dalam bentuk penyampaian yang berbeza. Persembahan yang menampilkan pemain trombon sebagai pemain solo dengan improvisasi jazz masih kurang diketengahkan, lebih-lebih lagi alat muzik trombon mempunyai keterbatasan *range* not berbanding alat muzik lain. Hal tersebut adalah





kerana kebanyakan skala yang sesuai hanya dapat dimainkan pada *range* satu setengah oktaf sahaja

Berdasarkan temu bual bersama tokoh muzik tanah air iaitu, Dato Mokhzani dan Dr. Isabella, sekitar tahun 80-an sehingga 90-an, Negara pernah mempunyai pemain trombon jazz tersohor iaitu Danny Fransisco (1938-2012) dan saudara Lim Jit Yoke (1936) (wawancara peribadi, 4 & 16 November, 2021). Danny merupakan warganegara Filipina yang menetap di Malaysia sehingga akhir hayat beliau, manakala saudara Lim merupakan anak tempatan yang kini menetap di Kanada bersama keluarga tersayang. Justeru, hasil temu bual bersama Dr. Isabella dan Dato Mokhzani, sehingga kini masih belum dilihat kemunculan bakat baru dalam kalangan anak tempatan yang dapat menggantikan kedua-dua nama tersebut di dalam permainan trombon jazz



Berdasarkan sumber tersebut, dapat dilihat bahawa kekurangan anak tempatan yang berkebolehan dalam permainan trombon jazz. Menurut Mokhzani, (wawancara peribadi, 16 November, 2021), ciri-ciri pertama untuk mengetahui seseorang itu boleh bermain muzik jazz adalah dengan melihat cara mereka bermain melodi pada sesebuah lagu. Hal tersebut adalah kerana melodi lagu muzik jazz hanya ditulis sebagai panduan, selebihnya pemain akan menghias melodi tersebut dengan cara sendiri berdasarkan nuansa jazz. Kedua, seseorang itu boleh melakukan improvisasi jazz berdasarkan harmoni dan mengetahui setiap nada yang dimainkan ketika improvisasi. Selain itu, beliau mengatakan bahawa ilmu improvisasi perlu dipelajari agar dapat menjelaskan semula apa yang dilakukan ketika improvisasi.





Oleh yang demikian, saya mengambil cabaran untuk mendalami lagi ilmu improvisasi jazz bebop *lines* dengan menampilkan persembahan secara instrumental menggunakan alat muzik trombon pada lagu-lagu nyanyian Zain Azman. Bagi melancarkan proses kreatif, saya menggunakan model pendekatan Latihan Terancang (*Deliberate Practice*) sebagai pedoman di dalam proses persediaan untuk ke persembahan kreatif.

## 1.2 Tujuan Persembahan

Tujuan projek persembahan ini adalah untuk mengimplementasikan improvisasi Bebop *Lines* pada nyanyian lagu Zain Azman menggunakan alat muzik trombon berdasarkan model pendekatan Latihan Terancang (*Deliberate Practice*).

## 1.3 Objektif Persembahan

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Meneroka kaedah menginstrumentalkan melodi dalam lagu-lagu terpilih Zain Azman pada alat muzik trombon berdasarkan teori pendekatan Latihan Terancang (*Deliberate Practice*).
2. Mengimplementasikan pola improvisasi Bebop *Lines* pada lagu nyanyian Zain Azman berdasarkan teori pendekatan Latihan Terancang (*Deliberate Practice*).





#### 1.4 Persoalan Persembahan

1. Bagaimana menginstrumentalkan melodi lagu karya Zain Azman pada alat muzik trombon?
2. Bagaimana mengimplementasikan pola improvisasi Bebop *Lines* pada lagu nyanyian Zain Azman untuk permainan alat muzik Trombon?

#### 1.5 Permasalahan Persembahan

Improvisasi adalah merupakan sebuah bentuk aktiviti muzik yang boleh membantu untuk menyemai kemahiran kreatif. Pembangunan kemahiran kreatif boleh berlaku seawal kanak-kanak berusia tiga tahun. Improvisasi akan membantu seseorang untuk memahami keaslian dan sintaksis muzik (Abdullah et al., 2021). Ini bermakna bahawa improvisasi adalah merupakan sebuah kemahiran yang wujud dan diiktiraf di dalam bidang muzik.

Persembahan muzik secara improvisasi berlaku berdasarkan kepada keadaan tempat dan situasi yang dilalui pemuzik itu. Seseorang pemuzik yang ke Kelab Jazz mungkin tidak menikmati suasana perhiasan kelab itu Sebaliknya, mereka akan fokus kepada tempo, nada, harmoni dan melodi lagu yang dimainkan. Improvisasi yang dilakukan mungkin akan dipengaruhi oleh tempo, nada, harmoni dan melodi lagu yang dimainkan kerana pemuzik akan berfikir dan memfokuskan improvisasinya mengikut lagu yang dimainkan (McAuliffe, 2023). Pernyataan ini bermakna bahawa improvisasi





yang dilakukan oleh seseorang boleh berlaku akibat daripada pelbagai jenis faktor yang berbeza.

Pengkaji yang telah membuat pemerhatian awal telah mendapati bahawa kaedah yang bersesuaian untuk memainkan lagu-lagu nyanyian Zain Azman dengan menggunakan alat muzik trombon secara instrumental belum pernah dipersembahkan. Hal ini menyebabkan pola improvisasi bebop *lines* masih kurang diimplementasikan dalam karya Zain Azman khususnya untuk alat muzik trombon. Ini menyebabkan munculnya persoalan sama ada terdapat kesukaran untuk melakukan perkara ini atau sekiranya terdapat kaedah yang bersesuaian. Oleh itu, pengkaji telah membuat beberapa pembacaan dan mengenal pasti beberapa konsep yang berkaitan dengan permasalahan kajian yang dinyatakan itu.



Untuk tujuan kajian ini, pengkaji ingin melihat sekiranya kaedah yang dipilih oleh pengkaji akan berjaya digunakan untuk mencapai objektif kajian yang ditetapkan untuk kajian ini iaitu untuk mengtranskripsi melodi dalam lagu-lagu terpilih Zain Azman pada alat muzik trombon berdasarkan teori pendekatan Latihan Terancang (*Deliberate Practice*) dan mengimplementasikan pola improvisasi Bebop *Lines* pada lagu nyanyian Zain Azman berdasarkan teori pendekatan Latihan Terancang (*Deliberate Practice*).





## 1.6 Batasan Persembahan

1. Penelitian ini hanya terkait dengan improvisasi Bebop *Lines* yang terdapat pada alat muzik trombon.
2. Pola improvisasi yang dijalankan hanya di implementasikan pada karya Zain Azman.
3. Hanya melodi sahaja yang akan diimprovisasi menggunakan teknik Jazz bebop. Struktur proggresi kord dan melodi lagu Zain Azman dikekalkan tanpa digubah ke dalam bentuk bebop.
4. Lagu yang dimainkan menggunakan *key* yang sesuai berdasarkan *range* alat muzik tenor trombon.
5. Pola improvisasi Bebop *Lines* hanya terfokus di bahagian improvisasi dan melodi pada setiap lagu yang dimainkan dengan penambahan ritma yang bersesuaian dengan gaya bebop.
6. Pemilihan lagu di dalam persembahan kreatif hanya berkokus kepada lagu nyanyian Zain Azman sahaja. Melodi lagu akan dimainkan secara instrumental dengan menggunakan alat muzik trombon.
7. Kunci lagu akan digantikan mengikut kesesuaian *range* pada alat muzik trombon oleh kerana terdapat beberapa kunci yang tidak sesuai untuk memainkan melodi pada instrumen tersebut. Hal ini kerana alat muzik trombon menghasilkan karakter warna suara tenor yang mana lebih cenderung kepada suara bass.





## 1.7 Program Resital I

Program resital 1 ini bertujuan untuk memberi gambaran mengenai pemilihan lagu Zain Azman yang akan dimainkan. Selain itu, turut dijelaskan format persembahan yang akan dilakukan agar perancangan persembahan kreatif ini lebih terfokus.

### 1.7.1 Pilihan Lagu

#### Jadual 1.1

##### *Judul Lagu & Durasi Persembahan*

Bilangan	Judul Lagu	Durasi
1	'Kasih Sayang'	6 Minit
2	'Rayuan Hasrat Ku'	6 Minit
3	'Gadis Idaman Ku'	6 Minit
4	'Berdendang Sayang'	6 Minit
5	'Air Mata Berderai'	6 Minit
Jumlah		30 Minit

Seperti yang dapat dilihat pada jadual 1.1 merupakan susun atur pemilihan lagu yang akan dimainkan pada resital 1. 'Kasih Sayang' akan menjadi lagu pembuka pada persembahan kreatif nanti. Ini kerana lagu tersebut akan dimainkan pada tempo *medium swing*. Tempo tersebut tidak terlalu laju untuk dijadikan sebagai lagu pembukaan persembahan agar saya dapat menyesuaikan situasi gemuruh di atas pentas. Lagu seterusnya iaitu 'Rayuan Hasrat Ku' dengan tempo sedikit laju berbanding lagu





pertama. Lagu ketiga berjudul ‘Gadis Idaman Ku’ yang akan dimainkan dengan gaya *Bossa Nova*. Secara tidak langsung menukar nuansa muzik daripada swing yang ditampilkan sebelumnya.

Pilihan lagu keempat berjudul ‘Berdendang Sayang’ yang pastinya akan digubah semula dengan bentuk yang menarik. Akhir sekali, penutup persembahan akan dihidangkan dengan lagu yang paling popular nyanyian Zain Azman yang berjudul ‘Air Mata Berderai’. Lagu ini akan dimainkan pada *key* asal nyanyian Zain Azman iaitu di dalam *key* Bb Major dengan tempo 180 bpm yang pastinya lebih laju dari bentuk aslinya. Struktur pergerakan kord pada lagu ini lebih rumit oleh kerana terdapat banyak *reharmonization* kord. Justeru lagu ini saya jadikan penutup persembahan resital 1 agar dapat memberikan klimaks dengan gubahan muzik yang menarik.



### 1.7.2 Format Persembahan Resital I

Format persembahan merupakan gambaran awal terhadap bentuk persembahan yang akan ditampilkan pada persembahan resital. Ianya merangkumi pemilihan alat muzik bagi tujuan untuk memudahkan proses gubahan lagu yang telah dikenalpasti. Berikut adalah senarai alat muzik yang menjadi pilihan seperti di dalam jadual 1.2 di bawah.



**Jadual 1.2***Senarai Alat Muzik & Pemuzik*

<b>Bilangan</b>	<b>Senarai Alat Muzik</b>	<b>Pemuzik</b>
1	Piano	1
2	Double Bass	1
3	Drum	1
4	Alto Saxophone	2
5	Tenor Saxophone	2
6	Penyanyi Iringan (Bv's)	3
<b>Jumlah</b>		<b>10</b>

**1.8 Cadangan Program Resital II**

Cadangan program resital 2 ini adalah untuk memberi perbandingan di antara resital 1 dan 2. Ini kerana terdapat penambahan repertoire dan bentuk improvisasi yang akan dilakukan. Terdapat sebuah alat muzik iaitu gitar yang telah ditambah ke dalam senarai alat muzik yang digunakan.

### 1.8.1 Senarai Keseluruhan Lagu

#### Jadual 1.3

*Judul Lagu & Durasi Persembahan Resital 2*

Bilangan	Judul Lagu	Durasi
1	'Kasih Sayang'	7 Minit
2	'Rayuan Hasrat Ku'	7 Minit
3	'Gadis Idaman Ku'	8 Minit
4	'Hello Sayang'	7 Minit
5	'Berdendang Sayang'	8 Minit
6	'Air Mata Berderai'	8 Minit
Jumlah		45 Minit

Terdapat penambahan lagu pada resital akhir iaitu lagu yang berjudul 'Hello Sayang'. Lagu ini ditambah bertujuan untuk menyesuaikan dengan durasi waktu yang telah ditetapkan pada resital akhir iaitu 45 minit. Selain itu, format persembahan masih dikekalkan.

### 1.8.2 Format Persembahan Resital II

Resital akhir ini saya ingin menghadirkan persembahan dalam bentuk yang sama dengan resital 1. Secara tidak langsung ianya juga akan menuntut kemahiran saya untuk menggubah kesemua lagu yang telah dipilih untuk disesuaikan dengan bebop *line* yang telah dirancang. Selain itu, persembahan lagu nyanyian Zain Azman dalam bentuk ini



jarang dilakukan. Hal ini memberi semangat untuk saya berkarya di dalam gubahan muzik pada lagu-lagu tersebut.

Tambahan pula persembahan resital ini memberi kelainan oleh kerana melodi lagu akan dimainkan secara instrumental dengan menggunakan alat muzik trombon. Tidak hanya itu, kesemua lagu akan dihidangkan dengan improvisasi bebop *line* dari pemain utama dan rakan-rakan pemuzik lainnya. Sudah pastinya persembahan sebegini telah merubah bentuk asal lagu tersebut terutama sekali pada tempo dan melodi lagu. Jadual di bawah merupakan senarai penuh format persembahan yang akan dihidangkan dengan pelbagai kreativiti pada persembahan resital akhir.

#### Jadual 1.4



Bilangan	Senarai Alat Muzik	Pemuzik
1	Piano	1
2	Double Bass	1
3	Dram	1
4	Gitar	1
5	Saksofon Alto	2
6	Saksofon Tenor	2
7	Penyanyi Iringan	3
Jumlah		11



## 1.9 Definisi Operasional

### 1.9.1 Teknik

Teknik yang dimaksudkan adalah satu cara untuk melakukan atau mencipta sesuatu. Tidak kira di dalam apa jua bidang, dengan menggunakan teknik yang betul akan menghasilkan sesuatu perkara dengan baik. Apa yang dimaksudkan di dalam konteks ini adalah teknik permainan jazz trombon.

### 1.9.2 Improvisasi

Pelbagai bidang sinonim dengan kata improvisasi. Tidak kira dalam bidang apa saja seperti kulineri, teater lakonan, dan sebagainya, semua ini menggunakan improvisasi. Improvisasi dalam muzik jazz pula terbahagi kepada dua iaitu *Idiomatic Improvisation* dan *Non-Idiomatic Improvisation*. Apa yang digunakan di dalam kajian ini adalah improvisasi jazz idiomatik. Yakni improvisasi berdasarkan struktur harmoni pada lagu yang digunakan.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, improvisasi bermaksud melaksanakan atau membuat sesuatu tanpa persediaan awal, secara spontan, atau dgn menggunakan bahan-bahan yg ada sahaja. Selain itu, menurut ahli etnomusikologi Baily (1999), bahawa improvisasi adalah implementasi niat, mencipta sesuatu yang baru dalam setiap persembahan atau dengan kata lain komposisi secara spontan. Improvisasi



menggunakan bebop *line* merupakan improvisasi idiomatik yang akan saya gunakan di dalam persembahan resital nanti. Ini bermaksud keseluruhan improvisasi tersebut dimainkan secara spontan berdasarkan harmoni kord pada lagu yang dimainkan.

Muzik jazz pastinya tidak lari dari elemen improvisasi, oleh yang demikian improvisasi sangat sesuai untuk dijadikan sebahagian elemen untuk membangunkan konsep persembahan kreatif.

### 1.9.3 Bebop Lines

Bebop *lines* merupakan sebahagian elemen yang sering digunakan di dalam improvisasi jazz. Hal ini tergolong di dalam improvisasi jazz idiomatik. Karakter bebop *lines* berdasarkan penyusunan nada yang digunakan di dalam improvisasi. Selain itu, cara aplikasi nada-nada tersebut menonjolkan lagi ciri-ciri bebop *lines*.

### 1.9.4 Instrumental

Muzik instrumental bermaksud sesuatu bentuk muzik yang dimainkan bukan dengan cara nyanyian vokal. Erti kata lain, muzik instrumental hanya dimainkan menggunakan alat muzik yang bernada. Sering kali alat muzik yang memainkan melodi lagu secara instrumental akan dianggap karakter utama di dalam sesebuah persembahan tidak kira apa alat muzik sekalipun. Hal ini kerana alat muzik tersebut memainkan peranan sama seperti vokalis yang sedang memainkan melodi utama lagu tersebut. Namun demikian,





dengan memainkan melodi lagu secara instrumental dapat memberi sedikit kebebasan kepada pemain solo tersebut untuk mengolah melodi lagu tanpa mengubah karakter asal lagu berdasarkan ekspresi dan kreativiti pemain solo.

### 1.9.5 Jazz Trombon

Jazz adalah sebuah bentuk muzik yang mempunyai pengaruh yang pelbagai. Antara pengaruh yang dapat dilihat adalah kumpulan muzik Brass Tentera, lagu kerja, nyanyian hamba abdi, harnoni dan bentuk muzik Eropah, dan ritma daripada Afrika dan kepulauan Caribbean (Davis, 2020). Dalam kajian ini, terma muzik trombon jazz akan digunakan untuk menerangkan mengenai gaya permainan alat muzik trombon yang memainkan muzik jazz seperti dinyatakan Davis (2000).

### 1.9.6 Latihan Terancang

Memmert (2015) menyatakan bahawa terma latihan terancang adalah merupakan sebuah terma yang menerangkan mengenai latihan yang mempunyai sasaran dan berpandukan kepada tugas yang ditentukan terlebih dahulu. Dalam kajian ini, latihan terancang digunakan untuk menerangkan mengenai latihan menggunakan alat muzik trombon yang mempunyai sasaran untuk membolehkan pengkaji untuk melakukan improvisasi dalam lagu Zain Azman.

